



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

POLYCC X MAH @ LIMA 2025 : INISIATIF JPPKK PERKUKUH KOLABORASI BERSAMA PIHAK INDUSTRI

LANGKAWI, 19 Mei 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Malaysian Association of Hotels (MAH) akan menganjurkan Program POLYCC x MAH @ LIMA 2025 sempena penganjuran Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2025 (LIMA'25). Program ini dikelola oleh Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) dengan kerjasama Langkawi Tourism Academy@Kolej Komuniti Langkawi (LTA@KKLK) bermula daripada 18 hingga 26 Mei 2025.

Majlis perasmian yang disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi ini merupakan platform penting untuk merealisasikan Pelan Transformasi Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dan mencerminkan kejayaan kolaborasi strategik antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan pihak industri. Program POLYCC x MAH @ LIMA 2025 melibatkan 3 sub-program iaitu 'Industry Expert Enrichment Program' (IEEP), 'Executive Lecturer Industrial TVET Empowerment' (ELITE) dan 'Hospitality Inclusive Programme' (HIP) @ Marriott International Langkawi.

IEEP melibatkan 141 pelajar POLYCC yang akan mengikuti pembelajaran berasaskan pengalaman dan interaksi proaktif dengan dunia sebenar melalui proses bekerja di hotel dan industri sekitar Pulau Langkawi yang terlibat dengan LIMA'25. IEEP melibatkan penyertaan daripada 19 politeknik dan kolej komuniti bersama-sama dengan tujuh buah hotel iaitu The St. Regis Langkawi, The Ritz-Carlton Langkawi, The Westin Langkawi Resort & Spa, Holiday Villa Resort & Beachclub Langkawi, Aloft Langkawi Pantai Tengah, Dash Resort Langkawi, dan PARKROYAL Langkawi Resort.

ELITE melibatkan 12 pensyarah daripada 9 buah institusi POLYCC untuk menjalani latihan sangkutan industri di 5 buah hotel terpilih termasuk The Datai Langkawi. Program ini bagi meningkatkan kemahiran pensyarah dalam bidang hospitaliti, memindahkan ilmu yang relevan kepada pelajar, dan memperkukuhkan hubungan antara POLYCC dan industri khususnya dalam bidang hospitaliti.

HIP @ Marriott International Langkawi merupakan inisiatif kolaboratif antara The Marriott International Northern Region Langkawi dan LTA melibatkan 20 orang pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi. Peserta menjalani sesi teori dan praktikal di LTA sebelum memulakan latihan industri di Marriott International Northern Region Langkawi iaitu di The Westin Langkawi Resort and Spa, The St. Regis Langkawi, The Ritz-Carlton, Langkawi dan Aloft Langkawi Pantai Tengah.

Turut diadakan Pra Pelancaran Malaysian Association of Hotels Training and Education Centre - MAHTEC @ LTA. Kerjasama ini akan membuka peluang pembangunan kemahiran dan inovasi serta memperluaskan jaringan industri bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran global.

Sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPPKK dengan Malaysian Association of Hotels Training and Education Center (MAHTEC) dan pertukaran Surat Hasrat (LoI) antara JPPKK dengan Qube Integrated Sdn. Bhd. selaku rakan strategik industri serta penyampaian watakah pelantikan kepada Pengerusi dan ahli Majlis Penasihat Industri Politeknik (MPIP) yang baharu turut diadakan.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
19 MEI 2025**